

20 OCT 2001  
BELANJAWAN-MICCI  
BELANJAWAN 2002 BERIMBANG

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu belanjawan berimbang kata bekas presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Malaysia (MICCI), Datuk Lim Say Chong hari ini.

Beliau berkata sungguhpun ia memberikan banyak kegembiraan kepada kakitangan awam dengan setengah bulan bonus atau minimum RM1,000 dan kenaikan gaji 10 peratus, belanjawan itu juga agak "pintar".

Di sebelah pihak orang ramai untung, di pihak lain ia mengenakan kenaikan 10 peratus kenaikan harga petrol dan diesel prices, katanya di dalam perbincangan panel Pasca belanjawan 2002, yang diadakan di sini hari ini.

Beliau bersetuju bahawa harga itu bertujuan mengurangkan bebanan kewangan kerajaan kerana subsidi petroluem menyumbang lebih daripada setengah daripada RM4.4 bilion subsidinya yang diperuntukkan.

"Tetapi seseorang perlu bertanya sama ada masanya tepat bagi kenaikan harga petrol dan diesel," katanya.

Ini adalah kerana peningkatan harga petrol dan diesel akan secara automatik menaikkan kos berniaga.

Mengenai ramalan pertumbuhan 4 hingga 5 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), katanya ia adalah sasaran optimis kerana ia boleh dicapai dengan pelbagai langkah yang dilaksanakan di dalam Belanjawan itu.

-- BERNAMA  
SM SEL OS